

Nikmat syurga tiada bandingan

Firman Allah SWT yang bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa, disediakan syurga tempat mereka beroleh apa yang mereka ingini. (Mereka akan beroleh) taman-taman bunga dan kebun-kebun buah-buahan, terutama anggur. Dan perawan-perawan yang sebaya umurnya. Serta piala atau gelas yang penuh dengan minuman. Mereka tidak mendengar di dalam syurga itu perkataan yang sia-sia, dan tiada pula perkataan yang dusta.

Sebagai balasan dari Tuhanmu, iaitu satu limpah kurnia yang dikira cukup (menurut yang dijanjikan-Nya). Tuhan Yang mentadbirkan tujuh petala langit dan bumi serta apa yang ada di antara keduanya, Tuhan Yang Maha Pemurah, tidak ada sesiapa pun diberi kuasa berkata-kata dengannya (untuk memohon pertimbangan tentang balasan atau pengurniaan itu).

(Tambah pula) pada masa Jibril dan malaikat-malaikat yang lain berdiri bersaf-saf (menunggu perintah Tuhan), tidak ada yang berani berkata-kata (memohon pertimbangan) melainkan yang telah diizinkan baginya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah, serta ia berkata benar.

Itulah keterangan-keterangan mengenai hari (kiamat) yang sungguh tetap berlakunya, maka sesiapa yang mahukan kebaikan dirinya, dapatlah ia mengambil jalan dan cara kembali kepada Tuhannya (dengan iman dan amal yang soleh)! Sesungguhnya (dengan keterangan-keterangan yang tersebut), Kami memberi amaran kepada kamu mengenai azab yang dekat (masa datangnya), - iaitu hari seseorang melihat apa yang telah diusahakannya; dan orang yang kafir akan berkata (pada hari itu): "Alangkah baiknya kalau Aku menjadi tanah (supaya Aku tidak dibangkitkan untuk dihitung amalku dan menerima balasan)". (al-Naba': 31-40)

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

SETELAH Allah SWT menerangkan perbuatan para pendusta, berikutnya Dia menerangkan pula dengan lebih lanjut kemenangan yang diperolehi oleh orang yang bertaqwa, iaitu syurga yang digambarkan kewujudan dan isinya. Dia menerangkan bahawa syurga tidak lain adalah kurnia Allah SWT.

Perkara ini merupakan pendorong hasrat yang tinggi dan mengajak mereka agar lebih bersungguh dalam melakukan amal kebajikan dan menambahkan kedudukan yang dekat kepada Allah SWT dan ketaatan kepada-Nya.

Ayat ini juga merupakan gambaran penderitaan bagi orang yang tersesat lagi pendusta.

Firman Allah SWT: *Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa, disediakan syurga tempat mereka beroleh apa yang mereka ingini.*

Ibn Abbas dan al-Dahhak berkata: Iaitu, dalam keadaan suci sedangkan Mujahid dan Qatadah berkata: Mereka selamat dari api neraka.

Firman Allah SWT: *(Mereka akan beroleh) taman-taman bunga dan kebun-kebun buah-buahan, terutama anggur. Dan perawan-perawan yang sebaya umurnya.*

Inilah sebahagian kenikmatan syurga dengan makanan dan bidadari. Al-Maraghi berkata: Bernikmatan dengan bidadari menggambarkan kesenangan seseorang di dunia yang memperoleh kelazatan walaupun kita tidak mengetahui hakikatnya di akhirat kelak dan kita wajib beriman dengannya.

Jelas kenikmatan di sana melebihi kelazatan yang terdapat di dunia. Ini merupakan bentuk kesenangan di hari akhirat.

Firman Allah SWT: *Serta piala atau gelas yang penuh dengan minuman.* Ibn Abbas berkata: Ia terisi penuh dan berturut-turut dan Ikrimah berkata: Ia

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

SIIRI KETIGA

menjadi jernih.

Firman Allah SWT: *Mereka tidak mendengar di dalam syurga itu perkataan yang sia-sia, dan tiada pula perkataan yang dusta.*

Ibn Kathir berkata: Dalam syurga tiada perkataan yang tidak bermanfaat, malahan pula dusta dan dosa. Syurga merupakan tempat yang terjamin keselamatannya penuh dengan nikmat yang tidak terkira.

Firman Allah SWT: *Sebagai balasan dari Tuhanmu, iaitu satu limpah kurnia yang dikira cukup (menurut yang dijanjikan-Nya).*

Syed Qutb berkata: Kita dapat melihat keindahan pengungkapan dan irama dalam pembahagian di antara jaza' (balasan) dan ata' (kurnia).

Keindahan itu dapat dilihat lebih kurang pada semua bunyi di akhir ayat. Inilah ciri yang nyata dalam keindahan seluruh juzuk ini.

Firman Allah SWT: *Tuhan yang mentadbirkan tujuh petala langit dan bumi serta apa yang ada di antara keduanya, Tuhan yang Maha Pemurah, tidak ada sesiapa pun diberi kuasa berkata-kata dengannya (untuk memohon pertimbangan tentang balasan atau pengurniaan itu).*

Ibn Kathir berkata: Allah SWT menjelaskan berkenaan dengan Keagungan dan Kemuliaan-Nya. Dialah Rabb yang hakiki sama ada di bumi atau di langit dan semua makhluk tidak mampu berbicara kecuali dengan izin-Nya.

Firman Allah SWT: *(Tambah pula) pada masa Jibril dan malaikat-malaikat yang lain berdiri bersaf-saf (menunggu perintah Tuhan), tidak ada yang berani berkata-kata (memohon pertimbangan)*

melainkan yang telah diizinkan baginya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah, serta ia berkata benar.

Ulama tafsir khilaf berkenaan dengan maksud roh di sini antaranya:

- Roh-roh manusia seperti riwayat al-Aufi dari Ibn Abbas.
- Anak cucu Adam AS seperti pendapat al-Hasan dan Qatadah.
- Salah satu daripada makhluk Allah dalam bentuk seperti manusia tetapi bukan malaikat dan manusia. Keadaan mereka juga makan dan minum. Inilah pendapat Ibn Abbas, Mujahid, Abu Salih dan al-A'mash.
- Iaitu Jibril a.s seperti pendapat Sya'bi, Said bin Jubair dan al-Dahak.
- Para malaikat yang mulia dan hampir dengan Allah SWT seperti kata Muqatil.
- Iaitu al-Quran. Inilah pendapat Ibn Zaid.
- Salah satu malaikat dengan ukuran sebesar seluruh makhluk.

Ibn Kathir mentarjihkan pendapat kedua iaitu: Anak cucu Adam AS.

Firman Allah SWT: *Itulah keterangan-keterangan mengenai hari (kiamat) yang sungguh tetap berlakunya, maka sesiapa yang mahukan kebaikan dirinya, dapatlah ia mengambil jalan dan cara kembali kepada Tuhannya (dengan iman dan amal yang soleh)!*

Hari Kiamat pasti berlaku dan hendaklah seseorang itu beramal soleh dan dapat mendekati kepada Allah SWT dengan memperoleh kemuliaan dan pahala, di samping itu dapat

menjauhkan dari seksaan azab neraka.

Firman Allah SWT: *Sesungguhnya (dengan keterangan-keterangan yang tersebut), Kami memberi amaran kepada kamu mengenai azab yang dekat (masa datangnya), Iaitu hari seseorang melihat apa yang telah diusahakannya; dan orang yang kafir akan berkata (pada hari itu): "Alangkah baiknya kalau Aku menjadi tanah (supaya Aku tidak dibangkitkan untuk dihitung amalku dan menerima balasan)".*

Ibn Kathir berkata: Pada hari itu orang kafir berangan-angan dengan menyatakan jika mereka dijadikan sebagai tanah dan bukannya makhluk yang wujud di muka bumi.

Ini kerana setelah diperlihatkan kepada mereka azab dari Allah SWT dan perbuatan buruk mereka yang telah dicatatkan oleh malaikat yang mulia.

Penutup

Alhamdulillah, selesailah sudah surah al-Naba' yang mengandungi kandungan rukun iman berkaitan hari akhirat.

Di samping itu, dijelaskan perihal natijah golongan yang derhaka dengan sedih-pedih balasan. Semoga Allah SWT memelihara kita semua daripada seksaan-Nya.

Begitu juga digambarkan dengan terang sifat yang diperolehi dan diraih oleh penghuni syurga dengan pelbagai kenikmatan. Semoga Allah SWT mengurniakan kepada kita keredaan-Nya dan syurga-Nya.

- DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI ialah Ahli Majlis Fatwa Negeri Sembilan.

Pembahagian harta ikut hukum faraid

Figih Semasa

SOALAN:

BAPA saya telah mewasiatkan semua duit simpanannya supaya diberikan kepada adik ipar dan isterinya. Adakah wasiat tersebut perlu ditunaikan dan bagaimanakah sekiranya saya dan adik beradik menggunakan duit tersebut?

JAWAPAN:

Wasiat tersebut wajib ditunaikan 1/3 sahaja daripada duit simpanan tersebut. Manakala selebihnya wang tersebut perlu dibahagi-bahagikan mengikut hukum faraid.

Oleh itu untuk membahagikan duit tersebut mengikut faraid, anda boleh berurusan di Pejabat Tanah dan Pusaka Kecil Daerah yang

berhampiran.

SOALAN:

Jika seseorang itu mengambil wang daripada poket seluar orang lain dan wang digantikan semula tanpa memberitahu orang itu dengan niat ingin meminjamnya. Apa hukumnya?

SOALAN:

Mengambil barang (hak) orang lain tanpa izinnnya adalah berdosa. Jika ingin meminjam sekalipun tuan punya barang tersebut hendaklah diberitahu. Perbuatan seperti yang anda nyatakan itu perlu dielakkan, kerana perbuatan itu boleh menimbulkan salah sangka.

- Disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)